



# GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN

---

PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM  
NEGERI (MM2H)

**KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN  
PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H)  
"INBOUND (MM2H)"**

---

**1. Syarat-Syarat Permohonan:**

- (a) Permohonan hanya boleh dibuat oleh **Syarikat Sendirian Berhad** yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.
- (b) Syarikat hendaklah mematuhi syarat pemegang saham, had ekuiti pegangan saham dan modal berbayar diterbitkan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.
- (c) Ekuiti asing **tidak dibenarkan memohon**.
- (d) **Nama syarikat** hendaklah melambangkan nama syarikat Inbound (MM2H).
  - Contoh: *ABC (MM2H) SDN. BHD. / XYZ (MM2H) SDN. BHD.*
- (e) **Memorandum dan Artikel-Artikel Syarikat (Memorandum and Articles of Association)** atau **Borang 11 (Notice of Resolution)** hendaklah menyatakan perniagaan yang dijalankan adalah Inbound (MM2H).
  - Contoh: *"To carry business in MM2H programme"*
- (f) Syarikat hendaklah menjelaskan semua tunggakan **kompaun yang perlu dibayar (jika ada) dan bebas daripada siasatan dan/atau pendakwaan** bagi sebarang kesalahan di bawah **Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992; Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999** (bagi Sabah, Sarawak dan WP Labuan); **dan/atau Peraturan-Peraturan di bawah AIP 1992 dan/atau APKP 1999.**

**2. Dokumen Sokongan:**

- (a) **Salinan Memorandum dan Artikel-Artikel Syarikat** (Memorandum and Articles of Association).
- (b) **Salinan Borang 9** (*Certificate of Incorporation of Private Company*).
- (c) **Salinan Borang 11** (*Notice of Resolution*) (sekiranya berkenaan).
- (d) **Salinan Borang 13** (*Certificate of Incorporation on Change of Name of Company*) (sekiranya berkenaan).
- (e) **Salinan Borang 24** (*Returned of Allotment of Shares*).
- (f) **Salinan Borang 32A** (*Form of Transfer of Securities*) (sekiranya berkenaan).

(g) **Salinan Borang 44** (*Notice of Situation of Registered Office and Office Hours and Particulars of Changes*).

(h) **Salinan Borang 49** (*Return Giving Particulars in Register of Directors, Managers and Change of Particulars*).

(i) **Salinan MyKad** (Kad Pengenalan).

(j) **Bukti Pengalaman Kerja :**

- **Surat Pengesahan Pengalaman Kerja** daripada majikan terdahulu / semasa bagi Pemegang Saham / Ahli Lembaga Pengarah / Kakitangan syarikat;
- **Borang 24 / Borang 49 / Maklumat Syarikat (E-Info SSM)** jika Lembaga Pengarah / Pemegang Saham adalah Pemilik / Ahli Lembaga Pengarah di syarikat perniagaan lain; dan
- **Biodata (Resume)** Pemegang Saham / Ahli Lembaga Pengarah / Kakitangan syarikat.

(k) **Sijil Kelayakan Akademik Berkaitan Bidang Pelancongan/Perniagaan** bagi Pemegang Saham / Ahli Lembaga Pengarah / Kakitangan (jika ada).

(l) **Kertas Kerja** yang mengandungi perancangan perniagaan, sasaran bilangan peserta Program "MM2H" dan kaedah pemasaran perniagaan syarikat.

(m) Salinan **Laporan Penyata Kewangan Tahunan Beraudit Terkini** yang telah diserahkan dan disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi syarikat yang pernah berlesen dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sebelum ini tetapi **lesen telah tamat atau dibatalkan (sekiranya berkenaan)**.

### 3. **Tatacara Permohonan:**

(a) Melengkapkan maklumat permohonan di dalam **Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP)** melalui laman sesawang [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my).

(b) Semua dokumen sokongan seperti yang dinyatakan di para 2 hendaklah **dimuatnaik ke dalam SPIP**.

### 4. **Fi Proses:**

(a) **Pembayaran secara dalam talian:** RM 100.00 bagi setiap permohonan di [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my); atau

(b) **Pembayaran secara manual:** RM 100.00 bagi setiap permohonan dalam bentuk Wang Pos / Deraf Bank / Kiriman Wang sahaja atas nama **PESURUHJAYA PELANCONGAN**.

## 5. Keputusan Permohonan:

- (a) **Surat makluman keputusan permohonan** akan dikemukakan ke alamat berdaftar syarikat seperti yang tertera dalam **Borang 44** (*Notice of Situation of Registered Office and Office Hours and Particulars of Changes*) syarikat; dan
- (b) **Nombor lesen** syarikat akan dinyatakan dalam surat makluman keputusan yang dikemukakan.

### 5.1 PERMOHONAN LULUS:

Sebelum **lesen dan pelekat** diserahkan, syarikat hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:

(a) **Menyediakan Premis Perniagaan dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh surat kelulusan** mengikut kriteria-kriteria berikut:

- Mematuhi syarat keluasan premis perniagaan seperti di **Lampiran B**;
- Premis operasi Ibu Pejabat (HQ) hendaklah berstruktur dan mempunyai alamat tetap;
- Premis tidak berkongsi dengan apa-apa perniagaan selain yang dilesenkan; dan
- Premis hendaklah berlokasi di kawasan komersial dan bukan di kawasan rumah kediaman.

(b) **Mengemukakan dokumen untuk tujuan pemeriksaan premis** seperti berikut:

- **Salinan Perjanjian Penyewaan Premis (*Tenancy Agreement*)** hendaklah **sekurang-kurangnya untuk tempoh satu (1) tahun** atau salinan **"Sales & Purchase" (S&P)** jika premis adalah milik syarikat;
- **Lakaran Pelan Lantai** (floor plan); dan
- **Gambar berwarna** bahagian dalam & luar premis.

(c) **Mengemukakan Salinan Sijil Keahlian Persatuan MM2H / Persatuan Pelancongan** yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia seperti di **Lampiran C**.

(d) **Mengemukakan Salinan Sijil Travel & Tour Management Course (TTMC):**

- Sekurang-kurangnya seorang wakil syarikat telah menghadiri Kursus ***Travel and Tour Management Course (TTMC)*** yang dianjurkan oleh **Institut Latihan Pelancongan (ILP)** yang berlesen dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
- Wakil syarikat boleh terdiri daripada kategori jawatan seperti berikut:

**(i) Pemegang Saham;** atau

**(ii) Ahli Lembaga Pengarah;** atau

(iii) **Kakitangan** syarikat yang memegang jawatan dalam **Pengurusan Tertinggi** syarikat (Contoh: Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pegawai Operasi / Pengurus Besar dan sebagainya).

(e) **Menjelaskan bayaran fi lesen** setelah lokasi premis perniagaan diluluskan dan memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.

- **Fi lesen:**

BIL.	BIDANG	FI LESEN	TEMPOH LESEN
1.	Inbound (MM2H)	RM 250	1 tahun

## 5.2 **PERMOHONAN DITOLAK:**

(a) Syarikat boleh mengemukakan **rayuan secara dalam talian** di **www.spip.gov.my** dalam **tempoh empat belas (14) hari** dari tarikh surat makluman keputusan dikeluarkan;

(b) Mengemukakan **dokumen-dokumen berkaitan berdasarkan alasan penolakan permohonan**;

(c) Rayuan hanya boleh dibuat **sekali sahaja** dan keputusan rayuan adalah **muktamad dan konklusif**. Tiada rayuan atas rayuan boleh dibuat; dan

(d) Sekiranya rayuan **ditolak**, syarikat boleh mengemukakan **permohonan baru** secara dalam talian melalui **www.spip.gov.my**.

## 6. **Tarikh Kuatkuasa :**

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai ..... **2017**

**Nota: Garis Panduan ini tidak terpakai kepada Pemegang Saham Warga Asing dalam syarikat Inbound (MM2H) yang sedia ada.**

**LAMPIRAN A**

**SYARAT PEGANGAN SAHAM, HAD EKUITI DAN MODAL BERBAYAR  
SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H)  
(PERMOHONAN BARU)**

BIL.	JENIS PERNIAGAAN	PEMEGANG SAHAM	HAD EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA)	LOKASI PREMIS	MODAL BERBAYAR DITERBITKAN (MINIMA)
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (MM2H)	Warganegara (Bumiputera/ Bukan Bumiputera)	100%	Bandar/ Luar Bandar	RM 50,000.00

**Nota:** (1) Kategori **Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Bandaraya** dan **Majlis Perbandaran**.  
(2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Daerah**.

**LAMPIRAN B**

**SYARAT KELUASAN PREMIS  
PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H)**

KAWASAN BANDAR		KAWASAN LUAR BANDAR	
BIDANG	KELUASAN MINIMA (KPS)	BIDANG	KELUASAN MINIMA (KPS)
Inbound (MM2H)	200	Inbound (MM2H)	100

**SENARAI PERSATUAN SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN  
PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H) DAN  
AGENSI PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN AGENSI PENGEMBARAAN  
YANG DIIKTIRAF OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN  
MALAYSIA**

---

1. Persatuan Ejen-Ejen MM2H (MM2H Agents Association)
2. Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA – Malaysia Association of Tour & Travel Agent)
3. Persatuan Agensi Perlancongan dan Pengembaraan Bumiputera (BUMITRA – Bumiputera Travel And Tour Agents Association of Malaysia)
4. Persatuan Pelancongan Cina Malaysia (MCTA – Malaysia Chinese Tourism Association)
5. Persatuan Pelancongan dan Pengembaraan India Malaysia (MITA – Malaysia Indian Tour & Travel Association)
6. Pertubuhan Pelancongan Dalam Negeri Malaysia (MiTA – Malaysia Inbound Tourism Association)